

Tumpu dua fokus majukan Johor

BH 2/1/15

Johor Bahru: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Norodin (**gambar**), menggariskan dua fokus utama pentadbirannya tahun ini dalam usaha memastikan kemajuan Johor terus pada tahap seimbang.

Katanya, fokus pertama adalah menggiatkan segala usaha dan ikhtiar untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif kerana Johor sedang bergerak pantas menjadi kuasa ekonomi utama negara.

Tambah baik kedudukan

"Kedua, menambah baik kedudukan negeri ini secara keseluruhan dan mewujudkan masyarakat yang diperkasa

kan. Kedua-dua misi penting ini memerlukan rakyat terabit sama dengan konstruktif," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri harus beralih kepada kerangka urus tadbir yang lebih besar dengan mengalu-alukan dan membuka ruang luas untuk rakyat menyumbang dalam apa bentuk sekalipun.

Realisasi pendekatan

Bagi tahun ini, katanya, kerajaan negeri akan memulakan gerak kerja bagi merealisasikan pendekatan baharu itu, sekali gus dapat mengubah masyarakat Johor menjadi

masyarakat besar yang dihayati.

Mohamed Khaled berkata, rakyat memainkan peranan penting sebagai pendukung, pencipta, penggerak, penyumbang dan pemain dalam setiap peringkat pembaharuan serta menjadi nadi pembangunan Johor, bukan sekadar penerima atau pemerhati pasif.

"Kita meninggalkan tahun 2014 dengan mengambil 1,000 pengajaran daripada pengalaman luar biasa yang telah kita harungi sebagai sebuah negara bangsa. Segala kejayaan dan cabaran besar tahun 2014 menyatukan rakyat negara ini sebagai sebuah bangsa yang be-



sar dan yakin.

"Bagi tahun 2015, harapan saya untuk melihat kesatuan yang lebih erat dan bermakna antara kerajaan dan rakyat," katanya.